

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH**  
**[ PAYA BESAR ]**

**SOALAN NO. 302**

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah prestasi terkini berbanding sebelum pelaksanaan berkaitan usaha Kementerian merapatkan jurang capaian rangkaian internet berkelajuan tinggi melalui pelaksanaan *High Speed Broadband Project* (HSBB) dan *Sub-Urban Broadband Project* (SUBB) mengikut kawasan Parlimen dan DUN di seluruh negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu kaedah pengukuran prestasi Jalur Lebar dan Panggilan Suara di Malaysia telah direkodkan dalam Laporan Prestasi Rangkaian 2018 pada Januari 2019. Kedudukan lebih baik dan peningkatan pencapaian diukur berdasarkan kelajuan internet, kependamanan rangkaian, kehilangan paket, kadar kejayaan panggilan bersambung dan kadar panggilan terputus. Kerajaan berterusan berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan perluasan rangkaian jalur lebar yang melibatkan kesemua 222 kawasan Parlimen di seluruh negara.

2. Di antaranya, projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di ibu negeri, bandar-bandar utama dan kawasan ekonomi berimpak tinggi di seluruh negara. Sehingga kini, lebih daripada 2.7 juta sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 198 ibusawat di seluruh negara.

3. Selain itu, pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh negara. Di bawah projek SUBB, lebih dari 457 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 431 ibusawat di seluruh negara. Manakala sebanyak 74,146 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2019.

4. Sebagai tambahan, di bawah projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) pula, lebih dari 115 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 317 ibusawat di seluruh negara, manakala sebanyak 27,989 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan.